



TERAS 2

PERKHIDMATAN KESEJAHTERAAN KESIHATAN





KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

© KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Diterbitkan pada tahun 2021 oleh Bahagian Pendidikan Kesihatan

Semua hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa juga cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Kementerian Kesihatan Malaysia



KANDUNGAN

PENGENALAN	1
RASIONAL PERKHIDMATAN KESEJAHTERAAN KESIHATAN	2
OBJEKTIF	3
STRATEGI & INISIATIF	4
STRATEGI 3	
INISIATIF 5	5
AKTIVITI 5.1	6
AKTIVITI 5.2	7
INISIATIF 6	8
AKTIVITI 6.1	9
AKTIVITI 6.2	10
STRATEGI 4	
INISIATIF 7	11
AKTIVITI 7.1	12
AKTIVITI 7.2	13
INISIATIF 8	14
AKTIVITI 8.1	15
SENARAI WELLNESS HUB 2021	16
PERINGKAT PEMANTAUAN	18
SASARAN TERAS	19

PENGENALAN

Perkhidmatan kesejahteraan kesihatan di dalam Teras 2 Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) merupakan faktor pemungkin (enabling factor) ke arah menyokong persekitaran pembudayaan hidup sihat dalam kalangan rakyat Malaysia. Pemantapan perkhidmatan kesejahteraan kesihatan dilaksanakan melalui penyediaan fasiliti dan perkhidmatan yang komprehensif serta terancang bagi kesejahteraan kesihatan rakyat.

Wellness Hub merupakan fasiliti yang menyediakan perkhidmatan bersepadu kepada komuniti setempat. Perkhidmatan Wellness Hub memfokuskan kepada perkhidmatan kesejahteraan kesihatan bagi pembudayaan hidup sihat dan kelestarian persekitaran yang menyokong kesejahteraan kesihatan. Perkhidmatan Wellness Hub juga dimantapkan dengan inisiatif Wellness on Wheel (WoW) iaitu perkhidmatan kesejahteraan kesihatan secara *mobile*.



RASIONAL PERKHIDMATAN KESEJAHTERAAN KESIHATAN



Komuniti mendapat perkhidmatan kesejahteraan kesihatan secara bersepadu melalui kerjasama rakan strategik di bawah satu pusat komuniti setempat.



Komuniti diperkasa dalam pembudayaan hidup sihat ke arah meningkatkan taraf kesihatan dan kualiti kehidupan.



Mewujudkan rasa kepunyaan (*ownership*) dalam kalangan komuniti bagi mempromosi, merancang dan melaksana program di komuniti setempat.

OBJEKTIF

01

Memperluaskan perkhidmatan kesejahteraan kesihatan menerusi Wellness Hub dan Wellness on Wheel (WoW).



02

Meningkatkan akses perkhidmatan ke arah kesejahteraan kesihatan rakyat.



03

Mempertingkatkan kerjasama rakan strategik dalam menjayakan perkhidmatan kesejahteraan kesihatan kepada komuniti.



STRATEGI & INISIATIF



2 STRATEGI 4 INISIATIF

STRATEGI 3:

Memperkuhkan fasiliti pembudayaan hidup sihat dan kelestarian persekitaran yang menyokong kesejahteraan kesihatan.

INISIATIF 5:

Wellness Hub sebagai fasiliti menyediakan perkhidmatan yang menyokong pembudayaan hidup sihat dan kelestarian untuk kesejahteraan kesihatan.

INISIATIF 6:

Wellness on Wheel (WoW) sebagai fasiliti menyediakan perkhidmatan kesejahteraan kesihatan secara *mobile* yang mudah diakses dan dekat dengan komuniti.

STRATEGI 4:

Memperkuhkan perkhidmatan pembudayaan hidup sihat dan kelestarian persekitaran yang menyokong kesejahteraan kesihatan.

INISIATIF 7:

Menambahbaik perkhidmatan kesejahteraan kesihatan.

INISIATIF 8:

Membangunkan Pelan Pembangunan Wellness Hub.

STRATEGI 3:

INISIATIF 5:

Wellness Hub sebagai fasiliti menyediakan perkhidmatan yang menyokong pembudayaan hidup sihat dan kelestarian untuk kesejahteraan kesihatan

Menyediakan fasiliti dan peralatan Wellness Hub serta mempertingkatkan penglibatan rakan strategik ke arah keberkesanan penyampaian perkhidmatan kesejahteraan kesihatan kepada komuniti setempat.



AKTIVITI

5.1

Menyediakan
fasiliti dan
peralatan
Wellness Hub

Membangunkan fasiliti Wellness Hub mengikut pelan pembangunan dengan kelengkapan peralatan supaya penyampaian perkhidmatan kesejahteraan kesihatan yang berkualiti dan komprehensif bagi memenuhi keperluan komuniti setempat untuk membudayakan hidup sihat.

AKTIVITI

5.2

Meningkatkan penglibatan rakan strategik dalam mengoptimumkan penggunaan perkhidmatan di Wellness Hub

Jaringan kerjasama bersama rakan strategik bagi mempertingkatkan penglibatan dalam perkhidmatan kesejahteraan kesihatan kepada komuniti.


*Program pertanian bersama komuniti dan rakan strategik Pejabat Pertanian Daerah

STRATEGI 3:

INISIATIF 6:

Wellness on Wheel (WoW) sebagai fasiliti menyediakan perkhidmatan kesejahteraan kesihatan secara *mobile* yang mudah diakses dan dekat dengan komuniti

Menyediakan Wellness on Wheel (WoW) bagi penyampaian perkhidmatan kesejahteraan kesihatan secara *mobile* yang mudah diakses dan dekat dengan komuniti setempat serta memantapkan penglibatan rakan strategik dalam perkhidmatan ini.



AKTIVITI

6.1

Menyediakan perkhidmatan Wellness on Wheel (WoW)

WoW dilengkapi dengan kemudahan bagi aktiviti jangkau luar (*outreach*) dalam memperkasa komuniti membudayakan hidup sihat.

AKTIVITI

6.2

Meningkatkan penglibatan rakan strategik dalam penggunaan perkhidmatan Wellness on Wheel (WoW)

Jaringan kerjasama rakan strategik bagi meningkatkan penglibatan perkhidmatan WoW kepada komuniti melalui pelbagai platform.

STRATEGI 4:

INISIATIF 7:

Menambahbaik perkhidmatan
kesejahteraan kesihatan

Perkhidmatan Wellness Hub dan Wellness on Wheel (WoW) ditambah baik bagi memastikan keberkesanan penyampaian perkhidmatan untuk memenuhi keperluan komuniti dalam mencapai kesejahteraan kesihatan.

◆ Panduan Pelaksanaan WELLNESS HUB, Kementerian Kesihatan Malaysia



WELLNESS HUB

PERKHIDMATAN

Penilaian Risiko
Kesihatan



Saringan
Paru-paru



Pengurusan
Berat Badan (IFitEr)



Khidmat Runding
Cara Hidup Sihat



Ujian Kecergasan



Klinik Senaman



Studio Senaman



Gimnasium
(Indoor / Outdoor)



AKTIVITI

7.1

Membangunkan pakej perkhidmatan yang komprehensif berdasarkan *setting* dan kumpulan sasar

Menyediakan pakej perkhidmatan yang komprehensif, bagi memenuhi keperluan komuniti setempat bersama-sama rakan strategik untuk ditawarkan di Wellness Hub.



AKTIVITI

7.2

Membangunkan aplikasi *Wellness* untuk rakyat menilai dan meningkatkan kemahiran kawalan kesihatan sendiri

Aplikasi *Wellness* disediakan untuk membantu rakyat mengakses maklumat, mendapatkan kemahiran dan menilai kesihatan sendiri di hujung jari.



STRATEGI 4:

INISIATIF 8:

Membangunkan Pelan
Pembangunan Wellness Hub

Pelan pembangunan Wellnes Hub yang komprehensif, bersepadu dan efektif disediakan untuk rancangan jangka masa panjang. Projek pembangunan untuk rakyat ini merangkumi:

- Kemudahan dan kelengkapan
- Keperluan sumber
- Keperluan komuniti



PELAN PEMBANGUNAN



Kemudahan
dan
kelengkapan



Keperluan
sumber



Keperluan
komuniti

AKTIVITI SELAMAT DATANG KE

8.1


Memperluaskan
fasiliti dan
perkhidmatan
Wellness Hub di
seluruh negara



Perluasan fasiliti dan perkhidmatan Wellness Hub berdasarkan Pelan Pembangunan akan memanfaatkan lebih ramai rakyat memperoleh perkhidmatan.

Peluasan perkhidmatan ini akan meningkatkan budaya hidup sihat untuk kesejahteraan kesihatan rakyat sekaligus mencegah penyakit yang disebabkan amalan cara hidup tidak sihat.

SENARAI WELLNESS HUB 2021




(SABAH)
Keningau
Kudat
Putatan

- 26. Wellness Hub Keningau
- 27. Wellness Hub Kudat
- 28. Wellness Hub Tandek
- 29. Wellness Hub Putatan


(SARAWAK)
Asajaya

- 25. Wellness Hub Sadong Jaya



Senarai *Wellness Hub* sehingga Disember 2021

PERINGKAT PEMANTAUAN



SASARAN TERAS

01

Peningkatan fasiliti yang menawarkan perkhidmatan kesejahteraan kesihatan



02


Peningkatan akses kepada perkhidmatan kesejahteraan kesihatan oleh rakyat untuk *outcome* kesihatan yang lebih baik



03

Peningkatan penglibatan rakan strategik dalam perkhidmatan kesejahteraan kesihatan





Agenda Nasional
Malaysia Sihat

Diterbitkan oleh:

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

moh.gov.my/anms



SCAN ME